

Headline **Jemaah solat Jumaat derma darah**
Date **31 Jul 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **58 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,643**
PRValue **4,928**



Jemaah solat Jumaat derma darah

KUALA LUMPUR: Masjid Negara mengambil kesempatan kehadiran ribuan jemaah menunaikan solat Jumaat, semalam untuk menganjurkan kempen derma darah dan pameran kesihatan di Anjung Makam Pahlawan sempena Hari Pahlawan yang disambut hari ini.

Kempen mulai jam 10 pagi hingga 4 petang itu dianjurkan dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) dan turut disertai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST), Klinik Pergigian Cahaya Suria dan Majlis AIDS Malaysia.

Pegawai Perubatan PDN, Dr Nor Hafidza Haron, berkata seramai 126 orang menderma darah sepanjang program berlangsung.

Penolong Pegawai Penerangan, Perhubungan Awam dan Pusat Sumber Masjid Negara, Azri Zainal Abidin, berkata kempen derma darah itu kali kedua dianjurkan pihaknya tahun ini selepas Mac lalu dan Jumaat dipilih kerana dapat menarik lebih ramai penderma dari kalangan jemaah solat Jumaat.